

RT bakal miliki alat semburan nyamuk

SINAR 22/04/09 MS 12

TAMAN DATO HARUN – Bagi memerangi penularan wabak denggi dan Chikungunya, Rukun Tetangga (RT) Flat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di sini, bakal memiliki alat semburan (fogging machine) nyamuknya sendiri tidak lama lagi.

Pengerusinya, Ismail Latib, berkata, tujuan utama pembelian mesin tersebut bertujuan untuk memastikan kesihatan penduduk di flat berkenaan sentiasa terjamin dan bebas daripada dijangkiti penyakit berkenaan.

Menurutnya, kos bagi membeli peralatan tersebut disumbangkan oleh Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan, Hee Loy Sian manakala sebahagian dari kos berkenaan datang daripada tabung RT itu sendiri.

"Kita mengambil keputusan untuk membeli alat semburan nyamuk adalah untuk berdikari dan mengurangkan pergantungan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Melalui cara ini juga, RT tidak perlu memohon dan menunggu semburan daripada PBT sekali gus memastikan kesihatan penduduk terjamin," katanya ketika ditemui Sinar Harian, di sini.

Namun demikian, Ismail berkata, RT perlu mendapatkan khidmat nasihat daripada Pejabat Kesihatan Daerah Petaling terlebih dahulu sebelum mula melakukan sebarang semburan.

Katanya, ia bagi memastikan semburan dilakukan mengikut peraturan dan jadual yang ditetapkan.

"Kita akan mendapatkan

khidmat nasihat daripada Pejabat Kesihatan Daerah Petaling untuk memastikan semburan dapat dilakukan mengikut peraturan yang ditetapkan.

"Sekiranya semburan dilakukan terlalu kerap, nyamuk aedes akan menjadi imun dan usaha memerangi denggi serta Chikungunya akan hanya menjadi sia-sia," katanya.

Dalam pada itu, Ismail mewakili penduduk flat PKNS mengucapkan penghargaan kepada Loy Sian yang prihatin terhadap tahap kesihatan penduduk di situ.

Menurutnya, kesanggupan Ahli parlimen tersebut membuktikan wakil rakyat berkenaan tidak mengamalkan pilih kasih dan fahaman politik dalam

**cegah
wabak**



● Loy Sian (kiri) menyerahkan cek sumbangan kepada Setiausaha RT Flat PKNS, Abu Bakar Baharom dalam satu majlis ringkas di pusat RT itu, di sini.

membantu penduduk di Petaling Jaya Selatan.

"Kita mengucapkan terima kasih kepada Loy Sian yang menghulurkan

sumbangan bagi membantu kami membeli alat semburan nyamuk.

"RT juga berharap pihak berkaitan dapat membantu

kami dalam melaksanakan aktiviti berbentuk komuniti terutamanya program kesihatan dan keselamatan," katanya.